



Galeri  
brön

The Reminiscence of  
*Terra Firma*

THE REMINISCENCE OF TERRA FIRMA  
"PENULISAN IL MIAH & KARYA SENI PAMERAN"

AUGUST 11 -  
SEPTEMBER 3  
2021



<https://gab.adperak.com/my/>

The Reminiscence of  
*Terra Firma*

"PENULISAN ILMIAH & KARYA SENI PAMERAN"

Published by UiTM Perak Press

# List of Content

## **FOREWORD**

DR MOHD KHAIRI BAHAROM.....06

## *Scientific Writing*

### **TEKNIK LEMPARAN ALIN(THROWING) DALAM PENGHASILAN KARYA**

SITI NORHASHIMAH SUMAN.....07

### **TEMBIKAR PERDAGANGAN AWAL SEMENANJUNG TANAH MELAYU**

SALWA AYOB.....17

### **“THINK LIKE A PROFESSIONAL DESIGNER”: 5 STRATEGI “DESIGN”**

ZULKARNIAN HASSAN, SITI MARYAM ALI YASIN.....23

### **THE BEAUTY OF CRYSTALLINE GLAZE BY ORYZA SATIVA STRAW ASH**

AMIRUL AZANI IBRAHIM, NOR NAZIDA AWANG, SALWA AYOB, VERLY VETO VERMOL...30

### **PENGENALAN TUANGAN SLIP, PROSES PENGHASILAN PRODUK SERAMIK BERASASKAN ACUAN**

MOHD SHAHROL HANAFI MOHD RAFFIE.....35

### **KONSEP KEINDAHAN SENI**

ZAHIRAH HARUN.....41

### **EXPLORASI BENTUK KONTEMPORARI SERAMIK MELALUI VARIASI TEKNIK PEMBENTUKAN TANGAN**

SITI MARYAM ALI YASIN, ZULKARNIAN HASSAN.....45

## *Art Exhibition*

### **THE 12 TERRA ARTISTS**

CERAMIC DEPARTMENT LECTURERS.....53

### **LIST OF EXHIBITION COMMITTEE MEMBERS 2021**

SEMESTER 4 DIPLOMA IN CERAMIC STUDENTS.....110

# THE REMINISCENCE OF *Terra Firma*

**AUG 11 – SEPT 3, 2021**

@UiTM Perak Press, UiTM 2021

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of UiTM Perak Press, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

Published by UiTM Perak Press

No e ISBN : 978-967-25697-9-4

Cover Design : Seri Darayani Kamarullah  
Typesetting : Ts. Zulkarnian Hassan

## **THE REMINISCENCE OF TERRA FIRMA EDITORIAL MEMBERS 2021**

### ADVISOR

Dr. Zainudin Md Nor

### EDITORS

Ts. Zulkarnian Hassan

Dr. Mohd Khairi Baharom

### AUTHOR'S

Siti Norhashimah Suman

Salwa Ayob

Zulkarnian Hassan

Amirul Azani Ibrahim

Nor Nazida Awang

Verly Veto Vermol

Mohd Shahrol Hanafi Mohd Raffie

Zahirah Harun

Siti Maryam Ali Yasin

### ARTISTS

Verly Veto Vermol

Mohd Khairi Baharom

Zahirah Harun

Siti Maryam Ali Yasin

Zulkarnian Hassan

Mohd Shahrol Hanafi Mohd Raffie

Siti Norhashimah Suman

Shamshuri Jamaludin

Mohd Saleh Abdul Wahab

Khairul Nizan Mohd Aris

Noor Ashraf Noor Othman

Nor Haliza Johari

### E-BOOK MANAGEMENT TEAM

Seri Darayani Kamarullah

Hafizatun Najihah Shahrurnizam

Yusmariansi Arif

Nabila Batrisyia Roslan

Nor Azlin Mohd Yazid

Noor Adieqa Mohd Zain

Muhammad Akram Munauwar

# Foreword

By  
Dr Mohd Khairi Baharom  
Coordinator of Programme  
Ceramic Department  
Faculty of Art & Design  
UiTM Perak Branch  
Seri Iskandar Campus

The Covid-19 Pandemic nowadays has put the ceramic art scene in a diversity of perspectives. It challenges ceramic artists to channel their physical artwork exhibitions into digital platforms. This pandemic also has changed the way of teaching and learning in the ceramic programme in Universiti Teknologi MARA (UiTM). Conventional methods of teaching and learning usually involve the face to face learning style, which nowadays requires some changes. This ceramic virtual art exhibition titled The Reminiscence of Terra Firma shows one of the examples of a new style of exhibition management in the ceramic course in UiTM. This virtual exhibition is one of the course's components that students need to complete their project. The course in ceramic programme titled; Ceramic Exhibition Management, aims to educate students to manage an exhibition and to work in groups. It helps students to understand the exhibition event's standard which is the knowledge that can be used for their employability in the future.

This virtual exhibition is organized for the first time. Before the pandemic, the students managed the exhibition in the gallery, which was more exciting. Although this is the first time for the students to arrange the virtual exhibition, they managed to overcome their struggle to learn new things and performed well to realize this exhibition. All the lecturers who participated in this exhibition will always support the event. This virtual exhibition displays the selected best lecturers' artworks and also features the lecturers' expertise in their disciplines. Many artworks in this exhibition explore issues that are related to the artists' interests and concerns which are developed in the artworks with aesthetic and artistic manners.

The participation of the ceramic programme's lecturers in The Reminiscence of Terra Firma virtual ceramic art exhibition proved that they are not just teaching the students with the theories and demonstration of ceramic forming, but they also have produced quality artworks. This exhibition is one of many ways to celebrate this academic expertise.

Thus, congratulations to all exhibition committee members that have organised this event. Thank you to all lecturers who participated in this exhibition.

"If you trust your materials and you trust your instincts, you will see things of beauty growing up in front of you, without you having anything to do with it."  
(Micheal Cardew, English Studio Potter)


# Konsep Keindahan Seni

ZAHIRAH HARUN

## Pengenalan

Indah dan cantik merupakan suatu tanggapan yang subjektif kepada yang melihatnya. Setiap orang mempunyai persepsi yang berbeza-beza dan tiada satu pun tanggapan ini salah. Telah banyak orang memperkatakan tentang konsep-konsep keindahan sama ada teori dari barat mahupun teori keindahan dalam Islam. Teori keindahan oleh Sidi Gazalba (1977) meletakkan kebenaran dan kebaikan kepada hak yang mutlak. Ia melibatkan hubungan manusia dengan bentuk yang menyenangkan. Seni yang menyenangkan akan memberi penghayatan kepada audien untuk meneroka karya itu lebih dalam, Dalam menentukan baik dan tidak sesebuah karya, dua perkara utama yang dititikberatkan ialah etika dan estetika. Etika pengkarya dalam menghasilkan karyanya menentukan bentuk karya tersebut manakala estetika pula akan menentukan indah atau buruknya karya itu. Menurut Gazalba lagi penglihatan yang menangkap sama ada bentuk dan warna lalu mendatangkan rasa menyenangkan itu dimaksudkan dengan estetika murni. Memang sukar untuk menentukan suatu yang indah kerana keindahan itu adalah suatu yang subjektif. Tetapi ciri yang membentuk sifat keindahan seperti kesatuan (uniti), harmoni, simetri, keseimbangan dan berlawanan. Berdasarkan ciri itulah dan juga pandangan metafizik kita menemukan pelbagai definisi lain tentang keindahan antaranya:

- 1)Keindahan yang tersusun atas pelbagai keharmonian dan berlawanan, garis, warna,bentuk, nada dan kata-kata.
- 2)Keindahan adalah kumpulan hubungan yang selaras dalam suatu benda dan diantara benda itu dengan audien.
- 3)Keindahan adalah kesatuan hubungan bentuk yang terdapat diantara objek yang dicerap oleh pancaindera kita.



Teori Keindahan Seni dalam Islam oleh Sidi Gazalba, 1977

Demikianlah keindahan itu suatu yang subjektif yang diberi pemahaman yang pelbagai akibat kepekaan apa yang indah itu juga mempunyai variasi penilaiannya.

## Konsep Keindahan

Membicarakan tentang konsep keindahan, pelbagai sudut pandangan dan teori mengenainya yang memberikan pelbagai pandangan subjektif mengenainya. Menurut Al Ghazali yang merupakan seorang ahli sufi, beliau tidak memberi tumpuan kepada karya seni dalam bentuk fizikal kerana baginya objek seni yang dicipta hanyalah untuk tujuan memenuhi tuntutan jasmani sahaja. Walaupun demikian beliau tidak menolak atau menafikan hubungan keindahan dengan keagamaan. Menurutnya lagi segala yang ditanggap itu mendatangkan nikmat kepada orang yang melihat dan wujud pula tarikan kepada objek berkenaan maka ianya adalah suatu keindahan kepada orang yang menikmati itu. Segala sesuatu yang sempurna itu adalah suatu yang indah. Manusia akan cuba mencapai kesempurnaan kerana ingin mengecapi keindahan. Maka dengan itu manusia akan terdorong untuk memperindahkan apa yang diperbuat olehnya, apa yang dimiliki dan suasana sekelilingnya dengan objek yang sempurna sifatnya.

Objek yang indah akan dinikmati dan dikasihi kerana keindahan semulajadinya yang tersendiri. Manusia yang menikmati keindahan alam, pepohon, unggas, bunga-bunga membuktikan bahawa aktiviti menikmati keindahan alam semulajadi dari aspek, bentuk, warna dan bunyi akan mendatangkan nikmat kepada penghayat tersebut. Keindahan alam semulajadi ini memberikan persepsi bahawa Tuhan itu yang menciptakannya adalah Tuhan sukakan keindahan.

Keindahan ciptaan tuhan dapat dipersepsikan oleh kuasa pancaindera dan mata hati. Al Ghazali juga merujuk kepada 'jiwa' dan 'hati' untuk menghalusi keindahan dalaman yang berkaitan dengan keagamaan, kerohanian dan etika. Menurutnya keindahan luaran boleh dinikmati oleh sesiapa sahaja tetapi keindahan dalaman hanya dapat dimengertikan hanya dengan mata hati. Baginya, mata hati manusia lebih peka dan berseni pancainderanya. Oleh yang demikian mata hati lebih peka dalam memberi persepsi dan pengertian kepada keindahan. Dapat disimpulkan bahawa Al-Ghazali lebih menekankan penghayatan dari mata hati lebih memberi darjat yang tinggi kepada keindahan dalaman berbanding keindahan luaran. Penghayat yang mampu menghayati keindahan dalaman akan lebih mengasihi daripada keindahan luaran. Walaubagaimana pun beliau menolak dakwaan bahawa keindahan hanya mampu dilihat dan dihubungkan dengan kesempurnaan jasmani dan wajah manusia sahaja. Keindahan juga wujud dalam tulisan, suara dan bentuk yang terdapat pada makhluk selain daripada manusia. Keindahan wujud apabila objek dibeza dan dibandingkan untuk mencari yang indah daripada yang buruk. Setiap objek atau fenomena yang mempunyai ciri kesempurnaannya yang berbeza dari objek dan fenomena yang lain. Falsafah Al-Ghazali mengenai keindahan lebih bersifat kepada ketuhanan. Beliau meletakkan tiga prinsip tentang keindahan dalam yang wujud di dalam diri orang alim dan mulia iaitu

- 1) Ilmu pengetahuan : iaitu pengetahuan yang sangat tinggi dan hebat dalam mengagungkan tuhan.
- 2) Kuasa yang membolehkan seseorang itu memandu dirinya dan juga membimbing orang lain kearah kehidupan yang lebih baik, harmonis disamping memelihara peraturan keagamaan.
- 3) Menjauhkan dirinya daripada melakukan kesilapan, memelihara kekurangan dan segala sifat kecenderungan kearah sesuatu yang negatif.

Oleh itu sempurna dan indah adalah sifat tuhan iaitu Allah s.w.t maka sifat-sifat sempurna dan indah yang terdapat pada manusia tentulah datangnya daripada Allah s.w.t. Maka dapat dirumuskan bahawa segala manifestasi keindahan yang terdapat dalam diri seniman yang mencerminkan keindahan dalaman dianggap keindahan yang sebenar.

Seorang seniman seni visual tempatan yang terkenal iaitu Syed Ahmad Jamal memahami suatu karya seni dari sudut tujuan, fungsi dan konsep, karya itu perlu dihayati berasaskan estetikanya. Apa yang dinilai adalah intisari daripada karya tersebut iaitu hubungan antara rupa dan bentuk karya yang dinilai. Ia menggambarkan apa yang berlegar di minda dan jiwa pengkarya tersebut. Namun demikian, menurutnya lagi hasil manifestasi seni tampak Melayu kurang menumpukan kepada ciri penyatuan jiwa individu sebagaimana seni tampak lainnya. Bahkan daya cipta seni rupa Melayu juga kurang memberi tumpuan kepada kehendak keagamaan. Karya seni rupa Melayu lebih menitikberatkan aspek keindahan dan hiasan kerana aspek ini lebih memenuhi kehendak seni. Ia merupakan jelmaan dari unsur alam semulajadi yang terhasil dari

pemerhatian, pengamatan dan pemikiran pencipta yang dijelmakan melalui impian yang mencerminkan keharmonian hubungan manusia dengan alamnya.

Dunia kesenian barat juga terdapat teori-teori yang menjelaskan tentang keindahan. Seorang ahli falsafah berbangsa Jerman, Immanuel Kant menyatakan bahawa objek-objek yang memberi kepuasan kepada orang yang melihatnya adalah sesuatu yang indah. Dalam menilai keindahan, citarasa merupakan satu fakulti menilai yang memberi tanggapan kepada objek yang dilihat. Kant membahagikan keindahan kepada dua kategori iaitu:

1) Keindahan bebas / tulen yang memiliki objek semulajadi seperti flora dan fauna. Ia adalah keindahan yang tulen tanpa meniru dari sebarang objek lain ataupun telah mengalami proses stailisasi atau ubah suai.

Keindahan sandaran iaitu keindahan yang menyedarkan kita kepada kesempurnaan objek yang memenuhi keperluan mengikut jenisnya dan kegunaannya.

Di antara kedua-dua keindahan ini Kant lebih menyenangi keindahan bebas atau tulen kerana ia dianggap sebagai satu penilaian estetik yang unggul kerana ia terpisah dari sebarang konsep kesempurnaan dan kegunaan. Berlainan pula dengan Clive Bell yang mengenalkan ungkapan bentuk signifikan (significant form) yang diterima ramai dan digunapakai dengan meluas sehingga kini. Bell (1881-1964) adalah seorang pengkritik seni British dan ahli falsafah seni yang mempertahankan seni abstrak. Teori estetik Bell telah memberi tumpuan kepada pengalaman estetik. Beliau mendakwa (dalam bukunya *Art*, 1914) bahawa terdapat satu emosi unik estetik tertentu, dan bahawa kualiti estetik adalah sifat dalam objek yang membangkitkan emosi ini.

Dalam seni visual, apa yang menimbulkan emosi ini yang pasti "bentuk dan hubungan bentuk" (termasuk garis dan warna), yang dikenali sebagai "bentuk penting". Tindak balas estetik kepada bentuk yang ketara untuk tidak dikenal pasti. Menurut Bell, dengan tindak balas emosi yang lain. Sebagai contoh, gambar orang yang dikasihi mungkin membangkitkan kenangan manis dan perasaan cinta; patung penanaman bendera di Iwo Jima mungkin menimbulkan perasaan patriotik; Tugu Peringatan Perang Vietnam mungkin membangkitkan perasaan kesedihan atau ratapan.

Walaupun ini adalah semua tindak balas dengan sempurna sesuai, mereka tidak memberi respon kepada estetik. Sebaliknya tindak balas estetik adalah tindak balas kepada bentuk-bentuk dan hubungan bentuk diri mereka sendiri, tidak kira apa makna yang lain. Ia adalah emosi yang kuat, seperti satu tarikan emosi.

Teori Bell mempunyai hubungan falsafah jelas kepada estetika Immanuel Kant. Pandangan beliau juga mempunyai pertalian rapat dengan intuitionism etika kontemporari dari Britain, ahli falsafah GE Moore. Moore terkenal dengan mendakwa, dalam *Principal Ethica* (Cambridge University Press, 1903) bahawa kebaikan adalah harta yang ada dalam diri mereka sendiri, dan kita tahu perkara-perkara yang baik dengan sejenis gerak hati: satu hanya merenung objek atau keadaan hal ehwal dan mengiktiraf serta-merta dan secara langsung bahawa ia adalah baik. Bell bersetuju dengan Moore, dan dianggap nilai estetika menjadi salah satu bentuk-bentuk kebaikan.



Dalam konsep kesenian Melayu, objek seni yang dilahirkan oleh orang Melayu kebanyakannya berkaitan dengan keindahan yang terkait dengan bahan dan teknik. Alam semula jadi merupakan sumber inspirasi terpenting untuk menghasilkan sesuatu keperluan dan kegunaannya. Sesuatu karya itu sebagai indah dan sempurna dengan mempunyai tiga ciri yang berikut iaitu kehalusan, keaslian dan kesesuaian. Zakaria Ali (1989) pula menggariskan sifat estetika seni rupa Melayu mengandungi prinsip berikut iaitu halus, berguna, berlambang, berlawanan dan bermakna. Pendekatan ini dinamakan pendekatan objektivisma yang merujuk kepada wujudnya ciri-ciri atau unsur tertentu untuk menjadikan sesebuah karya itu indah dan menarik.

Ahli sufi Al-Ghazali pula tidak menumpukan perhatiannya kepada karya seni sahaja kerana objek seni adalah bersifat kebendaan dan hanya sesuai untuk memenuhi tuntutan jasmani. Walau bagaimanapun beliau tidak menafikan hubungan keindahan dengan aspek keagamaan. Beliau menanggapi bahawa sesuatu objek yang dikasahi akan wujud tarikan terhadap objek tersebut dan tarikan tersebut datangnya dari objek berkenaan.

#### Kesimpulan

Mengkaji sesebuah karya atau benda, aspek formal atau bentuk serta makna sama ada tersurat atau tersirat (ikonologi) memainkan peranan sebagai rujukan. Ia mengambil kira sejarah latar belakang dan budaya. Menilai sesuatu keindahan tidak mempunyai satu ukuran yang rigid. Indah bukan mudah dinilai dengan satu ukuran mekanisme yang sama ukur. Setiap orang mempunyai pandangan yang berbeza-beza, maka indah itu menjadi suatu yang subjektif. Namun pengukuran keindahan itu boleh mengikuti garis panduan contohnya bagaimana Islam menilai keindahan, atau bagaimana sesebuah kaum itu menghargai keunikan keseniannya atau bagaimana minda pengkarya menterjemahkan rekaannya dan rekaan itu diterima ramai. Seni yang baik dan menyenangkan memberikan nilai murni kepada sesebuah karya. Etika akan menentukan baik buruknya karya itu manakala estetikanya pula menentukan indah atau tidak karya tersebut.

#### Rujukan

- 1) Sidi Gazalba (1983) Islam dan Kesenian: Relevansi Islam dan Seni Budaya. Jakarta: Pustaka Al Husna.
- 2) Moore J.S (1942) Beauty as Harmony. Journal Aesthetic and Arts Criticism
- 3) Read Herbert (1959). The Meaning of Arts. Ringwood, Victoria. Penguin Books Inc
- 4) Davies, Marian I, (1990). Visual Design in Dress. New York: Dover Publication Inc
- 5) Duane & Sarah Preble (2004). Artforms. Pearson Education. USA.
- 6) Mahayudin Yahya (2001). Islam di Alam Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- 7) Nanang Rizali (2012) Kedudukan Seni dalam Islam. Jurnal Kajian Seni Budaya Islam Vol 1, No 1.